

# CARA MUDAH MEMBUAT PEMBAYARAN CUKAI TAKSIRAN

## 1. Bayaran melalui Bank & Agen Setempat



## 2. Melalui ONLINE



UNTUK KETERANGAN LANJUT,  
PIHAK TUAN/PUAN BOLEH  
MENGHUBUNGI ATAU  
MELAYARI :

**MAJLIS BANDARAYA ALOR  
SETAR**

Pejabat MBAS : 04-7332499, 04-7300185

Faks : 04-7334377, 04-7320622

Email : [mbas@mbas.gov.my](mailto:mbas@mbas.gov.my)

Laman Web : <http://www.mbas.gov.my>

**JOM LAYARI  
PORTAL RASMI MBAS  
UNTUK MAKLUMAT LANJUT  
DAN TELITI**



**PENGIMBAS KOD  
QR DISINI**

Disediakan Oleh:



Unit Media MBAS

# CUKAI TAKSIRAN

**MAJLIS BANDARAYA  
ALOR SETAR**

# 1 APA ITU CUKAI TAKSIRAN?

Cukai Taksiran atau cukai pintu dikuatkuasakan mengikut peruntukan Seksyen 127, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)

Ia adalah cukai yang dikenakan ke atas pegangan yang terletak di dalam kawasan Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) meliputi pegangan-pegangan berikut :

## i. Kediaman

Rumah teres, rumah berkembar, rumah sesebuah, rumah bandar, rumah pangsa, pangapuri, apartment, kondominium, rumah kampung dan sebagainya.

## ii. Perniagaan

Kedai, rumah kedai/pejabat, kompleks membeli belah, pawagam, pejabat, hotel, stesen minyak, pusat rekreasi dan sebagainya

## iii. Perindustrian

Kilang, bengkel, gudang dan sebagainya

## iv. Tanah Kosong

Tanah Kosong yang mempunyai geran hakmilik boleh dikenakan Cukai Taksiran/Cukai Pintu selaras dengan peruntukan Seksyen 2, Akta 171

# 2 MENGAPA CUKAI TAKSIRAN DIKUATKUASAKAN?

- Cukai Taksiran/Cukai Pintu digunakan untuk membiayai :-
  - a. Perkhidmatan pembersihan kawasan seperti pungutan sampah, kebersihan jalan, parit dan pemotongan rumput.
  - b. Pembinaan dan penyelenggaran infrastruktur seperti jalan, parit, longkang dan pengindahan bandar
  - c. Penyediaan dan penyelenggaraan lampu jalan
  - d. Pembinaan dan penyelenggaraan kemudahan awam seperti dewan orang ramai, tandas awam, pasar, padang permainan kanak-kanak, tempat rekreasi dan sebagainya

# 3 BILAKAH CUKAI TAKSIRAN PATUT DIBAYAR?

- Cukai taksiran/Cukai Pintu hendaklah dijelaskan untuk tempoh 1/2 tahun pertama bermula Januari-Jun dan untuk tempoh 1/2 tahun kedua Julai-Disember
- Jika bayaran tidak dibuat dalam tempoh yang ditetapkan itu, Majlis boleh mengenakan bayaran notis tuntutan dan kos waran dengan kadar seperti berikut :-

**Bermula 1 Januari  
: Setengah Tahun Pertama**

**Bermula 1 Julai  
: Setengah Tahun Kedua**

# 4 APA YANG BERLAKU JIKA TIDAK MEMBUAT PEMBAYARAN?

- ✔ Notis (Borang E) akan dikeluarkan kepada pemilik pegangan dan ianya hendaklah dijelaskan dalam tempoh LIMA BELAS (15) hari dari tarikh notis dipos atau diserahkan.
- ✔ Bayaran waran tahanan akan dikenakan ke atas keseluruhan tunggakan.
- ✔ Tindakan sita dan melelong harta alih
- ✔ Tindakan mahkamah
- ✔ Kesemua kos yang terlibat akan menjadi sebahagian daripada tunggakan yang perlu dibayar.

# BAYARLAH CUKAI TAKSIRAN DEMI PEMBANGUNAN BANDARAYA ALOR SETAR

